

18/07/2000

Delegasi OCA tinjau KL

Lukman Salleh

JAWATANKUASA Penilaian Majlis Olimpik Asia (OCA) memulakan tugasnya meninjau persediaan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 dengan mendapat gambaran pertama mengenai keupayaannya.

Jawatankuasa diterajui Naib Presiden OCA dari Pakistan, Muhammad Latif Butt memulakan penilaian dengan taklimat pertama hampir dua jam di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

Delegasi empat anggota OCA tampak tertarik dengan kemudahan dan kecanggihan Kompleks Sukan Nasional yang merangkumi Stadium Nasional, Stadium Hoki, Pusat Akuatik, Stadium Putra dan Pusat Skuasy Nasional.

"Kami mempunyai sedikit idea mengenai kemudahan gelanggang yang ada di Kuala Lumpur berdasarkan kepada dokumen penawaran yang diserahkan kepada OCA baru-baru ini.

"Hari ini kami melihat sendiri kemudahannya. Semua ini akan dinilai dan laporannya nanti akan dikemukakan kepada Majlis OCA.

"Tetapi saya berpendapat jadual yang disediakan terlalu ketat dan ada beberapa program terpaksa dibatalkan. Ini agak malang sekali," kata Pengerusi Jawatankuasa Sukan OCA Dr Muwaffak Fawaz dari Jordan, salah seorang daripada empat delegasi penilaian itu, semalam.

Dua lagi anggota ialah Bendahari Santiparb Tejavanija dari Thailand dan Pengurus Perhubungan Antarabangsa Vinod Kiwari dari India.

Taklimat disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Mahamad Zabri Min. Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Wira Mazlan Ahmad dan Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Sieh Kok Chi.

Program semalam yang sepatutnya bermula 9.30 pagi dengan taklimat di Stadium Nasional terpaksa ditangguhkan dua jam kerana delegasi keletihan sebab baru tiba dari New Delhi, satu daripada empat calon tuan rumah Sukan Asia 2006.

Bagaimanapun, pembatalan beberapa program ini tidak mencacatkan peluang Kuala Lumpur menjadi untuk tuan rumah.

Kuala Lumpur adalah destinasi ketiga jawatankuasa ini dengan lawatan pertama ke Doha (Qatar), diikuti New Delhi (India) dan selepas ini akan terus ke calon keempat, Hong Kong.

Ditanya mengenai perbezaan kemudahan sukan antara Doha dan New Delhi dan Kuala Lumpur, Muwaffak enggan memberi perbandingan sebaliknya bersikap berkecuali.

"Setiap bandaraya yang bersaing dan kami lawati mempunyai kemudahan tersendiri dan ada di antaranya perlu diubah suai. Tugas kami hanyalah untuk membuat penilaian dan kemudian mengemukakan laporan," katanya.

Sementara itu, Zabri berkata taklimat yang diberikan merangkumi segala aspek mengenai persediaan Kuala Lumpur.

"Kita mahu menunjukkan kepada OCA bahawa bersedia dan rela menganjurkan temasya 2006. Kita juga dapat memberikan semua maklumat secara terperinci kepada jawatankuasa ini dan mereka tampak berpuashati," katanya.

Selain taklimat dan melawat Kompleks Sukan Nasional, jawatankuasa ini meninjau tapak perkampungan sukan seluas 45 hektar di Universiti Putra Malaysia (UPM), Kompleks Sukan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Kompleks Sukan Shah Alam.

Hari ini, jawatankuasa ini akan melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putra Jaya.

(END)

